



## **2 | Bayaran Program Insentif Hasil Tangkapan Nelayan**

- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia**



## **BAYARAN PROGRAM INSENTIF HASIL TANGKAPAN NELAYAN**

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

### **Perkara Utama**

#### **Apa yang diaudit?**

- Bayaran Program Insentif Hasil Tangkapan Nelayan (IHTN) oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kepada nelayan yang terdiri daripada pemilik vesel perikanan dan pekerja (awak-awak).

#### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Menentukan sama ada bayaran Program IHTN adalah teratur dan selaras dengan undang-undang, peraturan kewangan serta prosedur pembayaran yang berkuat kuasa.

#### **Apa yang ditemui Audit?**

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
  - pembayaran Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) berjumlah RM24,571 kepada nelayan yang telah meninggal dunia;
  - pembayaran Insentif Pendaratan Ikan berjumlah RM21,392 kepada nelayan yang telah meninggal dunia; dan
  - pemberian Skim Subsidi Diesel dan Petrol berjumlah RM2.12 juta kepada pemilik vesel perikanan yang tidak mengisytiharkan hasil tangkapan ikan.

#### **Apa yang disyorkan Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
  - menambah baik prosedur operasi standard bagi bayaran ESHN dan Insentif Pendaratan Ikan dengan memperhalusi elemen semakan kelayakan dan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan;
  - menguatkuasakan tindakan senarai hitam dan sekatan bekalan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol terhadap pemilik vesel yang gagal atau enggan mengisytiharkan hasil tangkapan ikan kepada LKIM; dan

- memastikan penambahbaikan sistem yang terlibat dilaksanakan dengan mempunyai ciri keselamatan, boleh dipercayai dan pelan kesinambungan perkhidmatan.

## 2. BAYARAN PROGRAM INSENTIF HASIL TANGKAPAN NELAYAN

### Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Insentif Hasil Tangkapan Nelayan (IHTN) diwujudkan bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pendaratan ikan bagi setiap pemilik vesel<sup>1</sup>; galakan kepada nelayan untuk mendaratkan hasil perikanan di dalam negara; mengawal dan memastikan bahawa minyak bersubsidi yang dibeli oleh nelayan hanya untuk aktiviti menangkap ikan dan menampung kos perbelanjaan nelayan berikutan peningkatan harga minyak. Komponen Program IHTN adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

**JADUAL 2.1**  
**KOMPONEN PROGRAM INSENTIF HASIL TANGKAPAN NELAYAN**

BIL.	KOMPONEN	BUTIRAN
1.	Bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan secara bulanan dengan kadar RM200 (tahun 2019) dan RM250 (tahun 2020), melibatkan anggaran sehingga 37,000 orang nelayan.</li><li>• Pembayaran caruman insurans hingga bulan Ogos 2020 dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk nelayan mulai bulan September 2020.</li><li>• Pembayaran balik Pinjaman Dana Nelayan.</li></ul>
2.	Emolumen dan Pengurusan Pusat Pengisytiharan Ikan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bayaran gaji untuk kakitangan di Pusat Pengisytiharan Ikan di seluruh Pusat Tanggungjawab.</li><li>• Bayaran pengurusan Pusat Pengisytiharan Ikan seperti pengoperasian bil utiliti, sewaan dan lain-lain.</li></ul>
3.	Insentif Pendaratan Ikan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bayaran Insentif Pendaratan Ikan pada kadar RM0.10/kg kepada pemilik vesel dengan julat bayaran RM150 hingga RM1,000 sebulan mengikut kategori vesel.</li><li>• Bilangan vesel penerima setakat bulan Disember 2020:<ul style="list-style-type: none"><li>- Zon A: 19,304</li><li>- Zon B: 440</li><li>- Zon C: 601</li></ul></li></ul>
4.	Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan	Bayaran dari segi bantuan kepada mangsa bencana alam seperti banjir, ribut dan sebagainya.
5.	Penyenggaraan Sistem Maklumat Pengisytiharan	Bayaran bagi penyenggaraan Sistem e-Pengisytiharan secara kontrak tahunan dan bayaran utiliti talian internet secara bulanan.

Sumber: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

1.2. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bertanggungjawab membuat pengesahan pembayaran Program IHTN kepada nelayan yang melaksanakan pendaratan ikan setiap bulan. LKIM juga bertanggungjawab membuat pemantauan terhadap pengisytiharan pendaratan ikan oleh 36,000 unit vesel di 240 Pusat Pengisytiharan Ikan. Setiap data pendaratan, perdagangan dan bekalan ikan negara secara harian, bulanan

<sup>1</sup> vesel penangkapan ikan adalah bot, lancang, kapal atau lain-lain vesel yang digunakan untuk menangkap ikan atau menolong atau membantu bot, lancang, kapal atau vesel dalam melaksanakan aktiviti berhubung dengan penangkapan ikan.

dan tahunan boleh dijana melalui Sistem e-Pengisytiharan sebagai rujukan kepada pihak berkepentingan seperti Kerajaan, penyelidik, usahawan, nelayan dan orang awam.

1.3. Pada tahun 2020, LKIM telah menerima peruntukan untuk Program IHTN berjumlah RM121.20 juta daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di bawah butiran Program Khusus. Daripada peruntukan tersebut, RM119.59 juta atau 98.7% telah dibelanjakan bagi menjalankan fungsi komponen Program IHTN. Perbelanjaan ini lebih tinggi berbanding tahun 2019, iaitu RM98.50 juta atau 100% daripada peruntukan keseluruhan yang diterima. Butiran lanjut mengenai jumlah peruntukan dan perbelanjaan yang disalurkan kepada lima jenis komponen Program IHTN berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.

**JADUAL 2.2**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KOMPONEN PROGRAM**  
**INSENTIF HASIL TANGKAPAN NELAYAN TAHUN 2020 DAN 2019**

BIL.	KOMPONEN IHTN	PERUNTUKAN		PERBELANJAAN			
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020		2019	
				(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan	91.91	70.35	91.86	99.9	70.35	100
2.	Emolumen dan Pengurusan Pusat Pengisytiharan Ikan	15.01	8.15	14.97	99.7	8.15	100
3.	Insentif Pendaratan Ikan	11.28	17.00	10.66	94.5	17.00	100
4.	Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan	1.50	1.50	1.07	71.3	1.50	100
5.	Penyenggaraan Sistem Maklumat Pengisytiharan	1.50	1.50	1.03	68.7	1.50	100
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>121.20</b>	<b>98.50</b>	<b>119.59</b>	<b>98.7</b>	<b>98.50</b>	<b>100</b>

Sumber: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

1.4. Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan serta Bahagian Pemasaran dan Pelesenan LKIM bertanggungjawab untuk membuat pengesahan pembayaran Program IHTN kepada nelayan yang menjalankan aktiviti pendaratan ikan setiap bulan. LKIM juga telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Program Elaun Sara Hidup Nelayan Tahun 2018 dan 2020 serta Pekeliling Bayaran Insentif Hasil Tangkapan Ikan LKIM Bil. 1/2019 untuk pelaksanaan Program IHTN.

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada bayaran Program IHTN adalah teratur dan selaras dengan undang-undang, peraturan kewangan serta prosedur pembayaran yang berkuat kuasa.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.1. Skop pengauditan ini meliputi pematuhan terhadap pembayaran dua komponen Program IHTN bagi tahun 2019 hingga 2020, iaitu Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) dan Insentif Pendaratan Ikan. Justifikasi pengauditan berdasarkan peruntukan dan perbelanjaan tertinggi di bawah komponen Program IHTN. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat LKIM; Pusat Pengisytiharan Ikan; Kompleks LKIM dan jeti yang diluluskan IHTN di negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Johor. Bagi mengesahkan aktiviti pengisytiharan pendaratan ikan oleh nelayan di LKIM, pengauditan juga dilaksanakan terhadap pembelian minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol melalui Sistem e-Nelayan LKIM.

3.2. Pengauditan meliputi keseluruhan 48 baucar bayaran tahun 2019 dan 2020 berjumlah RM177.89 juta bagi bayaran ESHN serta RM27.26 juta bagi tuntutan Insentif Pendaratan Ikan.

3.3. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod, analisis terhadap data yang diperoleh, lawatan fizikal serta temu bual dengan pegawai LKIM dan nelayan yang terlibat. Antara dokumen dan data yang disemak adalah berdasarkan kepada sumber utama seperti berikut:

- a. Laporan Pembayaran ESHN, Laporan Pembayaran Insentif Pendaratan Ikan dan Laporan Pengisytiharan Pendaratan Ikan yang dijana melalui Sistem e-Pengisytiharan LKIM;
- b. Laporan Transaksi Pembelian Minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol yang dijana melalui Sistem e-Nelayan LKIM;
- c. Laporan Verifikasi Vesel Perikanan daripada Jabatan Perikanan Malaysia; dan
- d. pangkalan data Sistem MyIdentity daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

### **4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Ogos hingga November 2021. Maklum balas daripada LKIM diterima pada 12 November 2021 dan 25 Februari 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 2 Disember 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 dan 4.2.

#### **4.1. Elaun Sara Hidup Nelayan**

Bayaran ESHN merupakan bantuan bulanan kepada nelayan yang terdiri daripada pemilik vesel perikanan dan pekerja (awak-awak) yang berkelayakan serta berdaftar di bawah Jabatan Perikanan Malaysia. Bayaran ini bertujuan bagi membantu golongan nelayan meringankan bebanan menghadapi tekanan ekonomi disebabkan kenaikan kos sara hidup. Bagi bulan Januari 2019, pemberian ESHN telah diseragamkan dengan kadar bayaran RM200 kepada kategori pemilik vesel dan awak-awak yang layak. Bermula tahun 2020, kadar bayaran ESHN dinaikkan kepada RM250 sebulan.

##### **4.1.1. Pembayaran Elaun Sara Hidup Nelayan Berjumlah RM24,571 Kepada Penerima yang Telah Meninggal Dunia**

- a. Perenggan 4 dalam Garis Panduan Pelaksanaan Program Elaun Sara Hidup Nelayan Tahun 2018 dan 2020 menetapkan syarat kelayakan penerima ESHN seperti berikut:
  - i. memiliki dokumen MyKad (Biru);
  - ii. memiliki Kad Nelayan yang sah berkuat kuasa;
  - iii. memiliki Lesen Vesel Perikanan yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia/Jabatan Laut Sabah/Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah serta Lesen Perkakas daripada Jabatan Perikanan Sabah; dan
  - iv. pemilik vesel/awak-awak yang tidak aktif ke laut bagi tujuan menangkap ikan tidak layak untuk menerima ESHN.
- b. Perenggan 11.1 dalam garis panduan yang berkaitan juga menetapkan pemilik vesel yang gagal melaporkan kepada LKIM dalam tempoh satu bulan berkenaan mana-mana pekerja (awak-awak) yang meninggal dunia, akan dikenakan tindakan seperti berikut:
  - i. membayar balik jumlah bayaran yang telah dibayar oleh LKIM ke atas awak-awak yang berdaftar di bawah vesel berkenaan;
  - ii. melucutkan kelayakan ESHN; dan
  - iii. Laporan Polis dan tindakan undang-undang akan dibuat sekiranya pemilik gagal membayar semula amaun yang telah diberikan sebelumnya.

- c. Analisis Audit terhadap Laporan Pembayaran ESHN yang dijana melalui Sistem e-Pengisytiharan LKIM dan semak silang dengan Sistem MyIdentity JPN mendapati **102 bayaran ESHN berjumlah RM24,571 telah dibuat kepada 42 orang penerima yang telah meninggal dunia.** Semakan lanjut mendapati 41 orang penerima yang meninggal dunia adalah pemilik vesel dan seorang awak-awak. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.3**.

**JADUAL 2.3**  
**BAYARAN ESHN KEPADA PENERIMA YANG MENINGGAL DUNIA**

PERKARA	TAHUN	BILANGAN BAYARAN	BILANGAN PENERIMA	AMAUN (RM)
Penerima Telah Meninggal Dunia	2020	98	39	23,721
	2019	4	3	850
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>102</b>	<b>42</b>	<b>24,571</b>

Sumber: Laporan Pembayaran ESHN (Sistem e-Pengisytiharan LKIM) Tahun 2019 dan 2020 serta Rekod Sistem MyIdentity JPN

- d. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan LKIM tidak menetapkan prosedur penamatan bayaran ESHN kepada pemilik vesel yang telah meninggal dunia. Prosedur penamatan bayaran ESHN hanya disediakan untuk tujuan kematian awak-awak sahaja seperti mana ketetapan perenggan 11.1 dalam Garis Panduan Pelaksanaan Program Elaun Sara Hidup Nelayan Tahun 2020.
- e. Semakan lanjut mendapati bayaran bagi seorang awak-awak yang telah meninggal dunia hanya ditamatkan pada bulan September 2020, iaitu lima bulan selepas tarikh kematian awak-awak pada 23 Mac 2020. Hal ini disebabkan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) hanya membuat laporan kematian kepada LKIM pada bulan Julai 2020.
- f. LKIM memaklumkan perkara ini berlaku disebabkan faktor kekangan yang dihadapi seperti berikut:
- i. kegagalan waris atau pemilik vesel melaporkan kepada LKIM berhubung kematian penerima ESHN menyebabkan LKIM tidak mengetahui status kematian nelayan terlibat dan Kad Pendaftaran Nelayan (KPN) masih berstatus aktif dalam tempoh pembayaran tersebut;
  - ii. LKIM hanya dapat mengenal pasti dan melaksanakan proses pemutihan atau pembatalan bagi nelayan yang telah meninggal dunia apabila tarikh KPN tidak aktif. Sistem e-Pengisytiharan akan mengenal pasti kad nelayan yang berstatus tidak aktif dan secara automatik menyekat bayaran kepada akaun

- yang berkenaan sehingga proses pembaharuan (sekiranya ada) dilaksanakan; dan
- iii. Sistem e-Pengisytiharan yang digunakan oleh LKIM pada masa ini tidak mempunyai keupayaan bagi semak silang dengan pangkalan data JPN untuk mengenal pasti status kematian penerima ESHN.
  - g. Perkara ini menyebabkan ESHN sejumlah RM24,571 telah dibayar kepada penerima yang meninggal dunia dan tidak mengikut syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Program Elaun Sara Hidup Nelayan Tahun 2018 dan 2020.

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 12 November 2021**

LKIM sentiasa melaksanakan tindakan pembatalan dalam Sistem e-Pengisytiharan bagi nelayan yang telah meninggal dunia namun ianya bergantung kepada hasil siasatan, pemantauan dan pemakluman oleh waris, pemilik atau PNK sahaja. Antara tindakan kawalan yang dilaksanakan oleh LKIM adalah seperti berikut:

- a. melaksanakan pemantauan dan pembatalan KPN dalam Sistem e-Pengisytiharan secara berterusan bagi kes kematian nelayan dengan semak silang Skim Tabung Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan khususnya untuk sumbangan khairat kematian dan makluman daripada waris;
- b. mengeluarkan surat arahan kepada LKIM Negeri dan dipanjangkan kepada PNK bagi tujuan pemakluman kepada LKIM sekiranya terdapat kes kematian penerima ESHN untuk tindakan pembatalan dalam sistem;
- c. melaksanakan sekatan dalam Sistem e-Pengisytiharan pada 3 November 2021 dengan merujuk kepada senarai nama penerima ESHN yang meninggal dunia berdasarkan penemuan Audit untuk siasatan lanjut; dan
- d. mencadangkan pembangunan modul baharu di bawah Sistem e-Pengisytiharan bagi semak silang status penerima ESHN dengan sistem JPN untuk pertimbangan peruntukan di bawah Program IHTN tahun 2022.

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 25 Februari 2022**

- a. LKIM telah mengeluarkan surat tuntutan semula bayaran ESHN bagi penama yang telah meninggal dunia daripada waris pada 30 Disember 2021;

- b. Surat Arahan Pemutihan dikeluarkan kepada LKIM Negeri untuk mengemas kini senarai penerima ESHN yang telah meninggal dunia pada setiap bulan pada 24 November 2021;
- c. Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Bantuan dan Insentif Nelayan di peringkat ibu pejabat LKIM telah diaktifkan semula pada 16 Disember 2021. Antara fungsi jawatankuasa ini adalah untuk memantau pelaporan siasatan di peringkat LKIM Negeri dan membuat pertimbangan keputusan ke atas laporan tersebut;
- d. Laporan Polis telah dibuat dengan merujuk kepada penemuan di mana maklumat dan MyKad nelayan yang telah meninggal dunia digunakan oleh individu lain untuk memperbaharui KPN dan Lesen Tangkapan Ikan di Jabatan Perikanan Malaysia serta permohonan bagi tujuan mendapatkan insentif dan bantuan daripada LKIM; dan
- e. LKIM juga telah memaklumkan kepada Jabatan Perikanan Malaysia berkaitan hasil penemuan nelayan yang telah meninggal dunia tetapi masih memperbaharui KPN dan Lesen Tangkapan Ikan pada 23 Februari 2022.

**Pernyataan Audit** | **Kelemahan dalam proses penamatan bayaran ESHN kepada penerima yang telah meninggal dunia dan Kad Pendaftaran Nelayan yang masih aktif menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM24,571.**

#### **4.2. Pengisyiharan Pendaratan Ikan**

Pengisyiharan pendaratan ikan di LKIM merupakan satu proses merekodkan semua maklumat pendaratan ikan bagi pemilik vesel yang menjalankan aktiviti menangkap ikan di perairan negara. Pada tahun 2006, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Isu Harga dan Bekalan Diesel telah bersetuju supaya LKIM melaksanakan pengisyiharan pendaratan ikan bagi memantapkan tugas mengawal selia Skim Subsidi Diesel dan Petrol. Hasil keputusan tersebut juga telah memberi kuasa kepada LKIM untuk melaksanakan pemantauan terhadap penyaluran minyak bersubsidi serta memastikan nelayan memperoleh bekalan minyak bersubsidi yang mencukupi. Bayaran Insentif Pendaratan Ikan adalah pada kadar RM0.10/kilogram dengan julat bayaran RM150 hingga RM1,000 sebulan mengikut kategori vesel.

#### **4.2.1. Pembayaran Insentif Pendaratan Ikan Berjumlah RM21,392 Kepada Penerima yang Telah Meninggal Dunia**

- a. Perenggan 3 dalam Pekeliling Bayaran Insentif Hasil Tangkapan Ikan LKIM Bil. 1/2019 menetapkan bahawa pemilik vesel yang mempunyai lesen vesel perikanan yang sah dan berstatus aktif yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia atau Jabatan Laut Negeri Sabah layak untuk menerima Insentif Pendaratan Ikan.
- b. Analisis Audit telah dibuat terhadap Laporan Pembayaran Insentif Pendaratan Ikan yang dijana melalui Sistem e-Pengisytiharan LKIM dan semak silang dengan Sistem MyIdentity JPN. Pihak Audit mendapati **47 bayaran Insentif Pendaratan Ikan berjumlah RM21,392 bagi tahun 2019 dan 2020 telah dibuat oleh LKIM kepada enam orang penerima yang telah meninggal dunia.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.4.**

**JADUAL 2.4  
BAYARAN INSENTIF PENDARATAN IKAN  
KEPADА PENERIMA YANG TELAH MENINGGAL DUNIA**

TAHUN	BILANGAN BAYARAN	BILANGAN PENERIMA	AMAUН (RM)
2020	36		21,064
2019	11	6	328
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>47</b>	<b>6</b>	<b>21,392</b>

Sumber: Laporan Pembayaran Insentif Pendaratan Ikan (Sistem e-Pengisytiharan LKIM) Tahun 2019 dan 2020 serta Rekod Sistem MyIdentity JPN

- c. Perkara ini berlaku disebabkan LKIM tidak menetapkan prosedur semakan dan penamatan pembayaran kepada penerima Insentif Pendaratan Ikan yang telah meninggal dunia.
- d. Kesannya, Insentif Pendaratan Ikan sejumlah RM21,392 telah dibayar kepada penerima yang tidak layak seperti kehendak Pekeliling Bayaran Insentif Hasil Tangkapan Ikan LKIM Bil. 1/2019.

#### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 12 November 2021**

Penyaluran pembayaran Insentif Pendaratan Ikan kepada pemilik vesel yang telah meninggal dunia disebabkan waris si mati tidak memaklumkan kepada LKIM. Memandangkan vesel nelayan merupakan harta pusaka yang boleh diwariskan, ia masih beroperasi seperti biasa dan aktiviti pengisytiharan terus dilaksanakan. Oleh itu, pembayaran Insentif Pendaratan Ikan tetap dibuat. Antara tindakan kawalan yang dilaksanakan oleh LKIM adalah seperti berikut:

- a. mengeluarkan notis larangan menggunakan dokumen Kad Pengenalan milik orang lain bagi tujuan pengisyiharan pendaratan ikan LKIM dan menampal notis berkaitan di semua Pusat Pengisyiharan Ikan LKIM. Perkara ini bertujuan untuk mengekang isu ketirisan dalam pelaksanaan pembayaran Insentif Pendaratan Ikan; dan
- b. mengeluarkan surat arahan bagi tujuan membuat semakan status penerima Insentif Pendaratan Ikan dibayar kepada nelayan yang telah meninggal dunia dan melaksanakan sekatan ke atas penama yang terlibat.

#### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 25 Februari 2022**

Insentif Pendaratan Ikan akan diproses mengikut bulan kelayakan dan dibayar kepada pemilik vesel yang layak. Kegagalan waris untuk melaporkan kematian kepada pihak bank juga menyebabkan akaun bank si mati masih aktif dan tiada penolakan bayaran dibuat oleh pihak bank.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Kelemahan dalam pemantauan dan proses penamatan bayaran Insentif Pendaratan Ikan kepada penerima yang telah meninggal dunia menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM21,392.</b>
-------------------------	--

#### **4.2.2. Pemilik Vesel yang Tidak Mengisyiharkan Hasil Tangkapan Ikan Telah Diberi Skim Subsidi Diesel dan Petrol Berjumlah RM2.12 Juta**

- a. Perenggan 3.2.2 dalam Garis Panduan Pengisyiharan Pendaratan Ikan LKIM Bil. 1/2013 menetapkan tanggungjawab pemilik vesel yang menerima bekalan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol seperti berikut:
  - i. mengisyiharkan hasil tangkapan ikan setiap kali pendaratan dilaksanakan di Pusat Pengisyiharan Pendaratan Ikan yang diwujudkan oleh LKIM untuk dikemas kini dalam Sistem e-Pengisyiharan;
  - ii. mengemukakan dokumen pengisyiharan yang ditetapkan semasa mengisyiharkan pendaratan ikan;
  - iii. mengemukakan sebarang maklumat penangkapan ikan yang diperlukan oleh LKIM dari semasa ke semasa; dan

- iv. mengemukakan MyKad dan dokumen pengisytiharan ke Pusat Jualan Minyak Diesel atau Petrol Bersubsidi untuk pembelian minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol. Pemilik vesel yang tidak mengemukakan MyKad dan dokumen pengisytiharan tidak dibenarkan untuk membeli minyak tersebut.
  
- b. Analisis Audit dilaksanakan terhadap Laporan Transaksi Pembelian Minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol yang dijana melalui Sistem e-Nelayan LKIM dan semak silang dengan Laporan Pengisytiharan Pendaratan Ikan yang dijana melalui Sistem e-Pengisytiharan LKIM. Semak silang dilaksanakan bagi menentukan penerima bekalan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol telah mengisytiharkan hasil tangkapan ikan kepada LKIM.
  
- c. Semakan Audit terhadap Laporan Transaksi Pembelian Minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol mendapat **959 unit vesel perikanan melibatkan 798 orang nelayan telah menerima bekalan minyak diesel atau petrol bersubsidi sejumlah RM2.12 juta bagi tahun 2019 hingga 21 Mac 2020.** LKIM telah memberikan kelulusan penjualan minyak diesel dan petrol bersubsidi kepada nelayan tanpa pengisytiharan pendaratan ikan bermula 22 Mac 2020 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.
  
- d. Semakan lanjut terhadap Laporan Pengisytiharan Pendaratan Ikan mendapat **nelayan terlibat tidak mengisytiharkan hasil tangkapan ikan kepada LKIM kerana tiada sebarang rekod mengenainya dalam Sistem e-Pengisytiharan LKIM.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.5.**

**JADUAL 2.5**  
**PENGISYTIHARAN PENDARATAN IKAN TIDAK DIBUAT OLEH**  
**PENERIMA BEKALAN MINYAK SKIM SUBSIDI DIESEL DAN PETROL**

TAHUN	SKIM SUBSIDI DIESEL DAN PETROL				
	BILANGAN BAYARAN	BILANGAN NELAYAN	BILANGAN VESEL	NILAI JUALAN	NILAI SUBSIDI**
					(RM Juta)
2020*	169	80	81	0.82	0.24
2019	28,830	718	878	6.16	1.88
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>28,999</b>	<b>798</b>	<b>959</b>	<b>6.98</b>	<b>2.12</b>

Sumber: Laporan Transaksi Pembelian Minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol (Sistem e-Nelayan LKIM) Tahun 2019 dan 2020 serta Laporan Pengisytiharan Pendaratan Ikan (Sistem e-Pengisytiharan LKIM) Tahun 2019 dan 2020

Nota: \*Sehingga 21 Mac 2020 berikutan Kelulusan Penjualan Minyak Diesel dan Petrol Bersubsidi Nelayan Tanpa Pengisytiharan Pendaratan Ikan mulai 22 Mac 2020. (Ruj.LKIM.PMN.406/781/640( )bertarikh 20 Mac 2020)

\*\*Pengiraan Audit adalah berdasarkan Harga Pasaran Minyak Diesel dan Petrol oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berbanding Harga Jualan Minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol kepada Nelayan dalam Sistem e-Nelayan LKIM

- e. Perkara ini berlaku kerana LKIM tidak menguatkuasakan tindakan senarai hitam dan sekatan bekalan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol ke atas pemilik vesel yang gagal atau enggan mengisyiharkan hasil tangkapan ikan kepada LKIM seperti mana kehendak perenggan 2 dalam Pekeliling Skim Subsidi Diesel dan Petrol LKIM Bil. 1/2008.
- f. Kegagalan LKIM dalam memantau dan menguatkuasakan peraturan sedia ada telah mengakibatkan bekalan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol berjumlah RM2.12 juta diberikan kepada nelayan yang tidak mengisyiharkan pendaratan ikan.

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 12 November 2021**

Jualan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol melalui Sistem e-Nelayan LKIM telah berlaku tanpa melibatkan aktiviti pengisyiharan disebabkan perkara seperti berikut:

- a. sistem yang diguna pakai bagi aktiviti pengisyiharan (e-Pengisyiharan) dan jualan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol (e-Nelayan) merupakan dua sistem berbeza. Bermula bulan April 2019, terdapat pertukaran vendor bagi kedua-dua sistem terlibat yang telah menyebabkan berlakunya kegagalan sistem berfungsi dengan lancar; dan
- b. permasalahan berpunca daripada Sistem e-Pengisyiharan yang tidak selaras dengan Sistem e-Nelayan yang menyebabkan kegagalan sistem dalam mengenal pasti status sebenar data pengisyiharan.

LKIM akan mengadakan pemantauan dan perbincangan dengan pihak vendor dari semasa ke semasa bagi penambahbaikan Sistem e-Pengisyiharan. Bagi memastikan kecekapan pengagihan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol kepada pemilik vesel yang berkelayakan, aktiviti pemantauan dan semak silang antara Sistem e-Pengisyiharan dan Sistem e-Nelayan akan dilaksanakan secara berkala mengikut kesesuaian.

### **Maklum balas LKIM yang diterima pada 25 Februari 2022**

Bagi tahun 2020, transaksi jualan minyak bersubsidi melalui Sistem e-Nelayan berlaku tanpa pengisyiharan adalah disebabkan jualan dibuat secara manual kerana kerosakan peralatan PDA ST5ex dan Sistem e-Nelayan tidak berfungsi atau mengalami gangguan talian. Semakan juga telah dibuat berdasarkan transaksi bagi tahun 2020 dan mendapati berlakunya transaksi jualan minyak melalui Sistem e-Nelayan tetapi tiada data

pengisytiharan dilakukan. Ini adalah disebabkan kegagalan sistem dalam mengenal pasti status sebenar data pengisytiharan.

Bagi memastikan kecekapan pengagihan minyak bersubsidi kepada pemilik vesel yang berkelayakan, LKIM telah mengeluarkan surat arahan pematuhan kepada setiap pusat jualan agar mematuhi semua pekeliling Skim Subsidi Diesel dan Petrol nelayan terutamanya yang melibatkan aktiviti jualan secara manual.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Tiada integrasi di antara Sistem e-Pengisytiharan dan Sistem e-Nelayan menyebabkan Skim Subsidi Diesel dan Petrol berjumlah RM2.12 juta diberikan kepada nelayan yang tidak mengisytiharkan pendaratan ikan.</b>
-------------------------	---

## 5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, terdapat kelemahan dalam bayaran Program IHTN kepada nelayan oleh LKIM. Bayaran ESHN berjumlah RM24,571 dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia. Di samping itu, bayaran Insentif Pendaratan Ikan berjumlah RM21,392 dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia serta pemilik vesel yang tidak mengisytiharkan hasil tangkapan ikan telah menerima Skim Subsidi Diesel dan Petrol berjumlah RM2.12 juta.

5.2. Perkara ini berlaku disebabkan LKIM tidak menetapkan prosedur penamatan bayaran IHTN kepada penerima yang meninggal dunia. Kelemahan pemantauan oleh pihak LKIM juga menyebabkan pemberian minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol kepada nelayan yang tidak mengisytiharkan hasil pendaratan ikan.

## 6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pematuhan terhadap bayaran IHTN, pihak Audit mengesyorkan agar LKIM melaksanakan perkara berikut:

6.1. menambah baik prosedur operasi standard bagi bayaran ESHN dan Insentif Pendaratan Ikan dengan memperhalusi elemen semakan kelayakan dan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan;

6.2. menguatkuasakan tindakan senarai hitam dan sekatan bekalan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol terhadap pemilik vesel yang gagal atau enggan mengisytiharkan hasil tangkapan ikan kepada LKIM; dan

6.3. memastikan penambahbaikan sistem yang terlibat dilaksanakan dengan mempunyai ciri keselamatan, boleh dipercayai dan pelan kesinambungan perkhidmatan.